

03

Drâma Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Isnani Norasiken Mohamed Ali

isnani_norasiken_mohamed_a@moe.edu.sg

Muhammad Andi Mohammed Zulkepli

muhammad_andi_mohammed_zulkepli@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Zhenghua

Abstrak

Penggunaan bahasa Melayu dalam pertuturan merupakan salah satu cabaran bagi pelajar Bahasa Melayu. Mereka berasa kurang minat dalam mempelajari Bahasa Melayu lantas penguasaan bahasa Melayu mereka semakin terjejas. Ini kerana, para pelajar gagal melihat cara bahasa Melayu itu berfungsi dalam kehidupan seharian. Akibatnya, mereka semakin kurang berkeyakinan menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian. Kajian yang dijalankan ini melihat keberkesanan Program Skrip dan Drama yang dijalankan di Sekolah Menengah Zhenghua bagi mencetuskan minat dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Berdasarkan beberapa teks sastera yang terdapat dalam buku 'Tekad', para pelajar menjalani beberapa sesi pembelajaran bermula dari pemahaman teks, pembikinan dan penghayatan skrip hingga sesi lakonan untuk meningkatkan minat mereka dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Maklum balas daripada para pelajar menunjukkan keberkesanan program tersebut.

Kata Kunci: drama, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, soal selidik



PENGENALAN

Penggunaan bahasa Melayu dalam pertuturan merupakan satu cabaran yang dihadapi oleh para pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu ketika ini. Cabaran ini mengakibatkan pelajar berasa kurang minat dalam mempelajari Bahasa Melayu. Hal ini ditambah lagi dengan rasa kurang berkeyakinan dalam menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa yang digunakan dalam konteks harian. Bagi mengatasi masalah kurang minat dalam kalangan pelajar, satu program penggunaan skrip dan drama telah direka dan dijalankan di peringkat sekolah.

Program Skrip dan Drama yang dijalankan ini bertujuan menjadikan pembelajaran Bahasa Melayu lebih menarik melalui penglibatan secara aktif oleh pelajar. Melalui program ini juga, para pelajar akan didedahkan kepada budaya dan sastera Melayu melalui penggunaan teks-teks sastera dalam buku Tekad. Pelajar juga akan dapat mengalami kerelevanan bahasa Melayu dalam konteks kehidupan seharian. Pendekatan drama ini dipilih kerana kaedah ini sudah terbukti keberkesanannya dalam menyampaikan pengajaran yang menarik. Kajian ini dijalankan untuk meneliti keberkesanan Program Skrip dan Drama yang dijalankan dalam meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Program Skrip dan Drama ini dijalankan berlandaskan tiga masalah utama yang dikenal pasti daripada sesi pengajaran Bahasa Melayu di sekolah, iaitu:

1. pengajaran Bahasa Melayu yang kurang menarik;
2. kurang pendedahan kepada kebudayaan dan sastera Melayu dalam kalangan pelajar; dan
3. fungsi bahasa Melayu dalam konteks kehidupan seharian pelajar.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

1. meneliti keberkesanan Program Skrip dan Drama;
2. meneliti keberkesanan penggunaan teknik drama dalam pembelajaran bahasa Melayu; dan
3. meneliti perubahan pada minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

KAJIAN LEPAS

Menurut Feng Lui dan Jun Ding (2009), main peran adalah satu teknik yang berkesan untuk menghidupkan suasana pengajaran dan pembelajaran, menarik minat pelajar dan meningkatkan kebolehan pelajar menguasai kemahiran bahasa. Menerusi main peran dalam bilik darjah, kita berupaya menambah kepelbagaian dan peluang untuk meningkatkan penggunaan bahasa dengan cara yang seronok!

Drama boleh memupuk kemahiran bahasa seperti membaca, menulis, bertutur dan mendengar dengan mewujudkan konteks yang sesuai. Drama merupakan alat pengajaran bahasa yang kuat yang melibatkan semua pelajar secara interaktif. Drama juga boleh menyediakan kemudahan untuk menghubungkan emosi dan kognitif pelajar kerana drama membolehkan pelajar mengambil risiko dengan bahasa dan mengalami hubungan antara pemikiran dan tindakan. Melalui drama, pelajar dapat mempraktikkan dan mengintegrasikan kemahiran membaca, menulis, bertutur dan mendengar. Drama juga memupuk dan mengekalkan motivasi pelajar dengan menyediakan suasana yang penuh dengan keseronokan dan hiburan. Dengan berbuat demikian, drama melibatkan perasaan, perhatian dan memperkayakan pengalaman pelajar.

Desialova (2009) bersetuju bahawa drama mempunyai kelebihan yang jelas dalam pembelajaran bahasa. Drama menggalakkan pelajar untuk bercakap dan berkomunikasi walaupun dengan bahasa terhad dan menggunakan komunikasi bukan lisan seperti pergerakan badan serta ekspresi muka. Menurut Taksonomi Bloom, mencipta ialah aras tertinggi dalam kontinum



kesukaran pembelajaran. Sebelum pelajar boleh mencipta, mereka perlu mengingat, menjelaskan, menerapkan, menganalisa dan menilai. Oleh itu dengan menulis semula cerita dongeng Melayu dalam bentuk skrip dan kemudian melakonkannya, pelajar bukan sahaja dapat mengembangkan kemahiran kognitif tetapi juga kemahiran sosial mereka. Pada masa yang sama, mereka juga meningkatkan kemahiran menggunakan bahasa dan kemahiran berfikir dalam bahasa tersebut.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian eksperimen yang bertujuan meneliti keberkesanan Program Skrip dan Drama dalam meningkatkan tahap penggunaan bahasa Melayu dalam konteks seharian dan peningkatan minat dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Sebagai usaha memberi pendedahan awal kepada kesusasteraan Melayu, pengkaji telah mendapatkan para pelajar Menengah 2 untuk membaca cerita rakyat terpilih yang terkandung dalam *Tekad*, buku teks sastera yang digunakan oleh sekolah-sekolah yang menawarkan mata pelajaran sastera di peringkat sekolah menengah.

Tiga cerita telah dipilih, disesuaikan dengan tahap keupayaan pelajar dalam aliran berbeza. Bagi aliran Ekspres, cerita *Abu Nawas Memecahkan Rumah Kadi* telah dipilih. Aliran Normal Akademik pula diberikan *Cerita Bayan Yang Dicabut Bulunya oleh Isteri Saudagar* dan bagi aliran Normal Teknikal, cerita *Lebai Malang* telah dipilih untuk mereka.

Subjek Kajian

Kajian yang telah dijalankan ini melibatkan seramai 58 orang pelajar Menengah dua. Para pelajar ini datang dari aliran yang berbeza, iaitu Aliran Ekspres, Normal Akademik dan Normal Teknikal.

Instrumen Kajian

Kajian ini dijalankan secara berstruktur dan ini menggunakan pelbagai strategi.



Sebagai alat penilaian keberkesanan, satu borang soal selidik telah digunakan.

Prosedur Kajian

Prosedur kajian ini terbahagi kepada 5 tahap, iaitu:

1. Tahap Bacaan Lantang 'Choral Reading';
2. Tahap Log Cerita;
3. Tahap Papan Cerita;
4. Tahap Penulisan Cerita, dan
5. Tahap Persembahan Drama

Pada awalnya, guru-guru memberikan teks kepada setiap pelajar untuk dibaca secara sendiri. Kemudian, para pelajar melalui beberapa langkah untuk memahami teks dengan lebih mendalam.

1. Bacaan Lantang

Pada tahap ini, guru membaca teks cerita rakyat yang dipilih bersama-sama pelajar. Aktiviti bacaan lantang bersama guru membantu pelajar memahami teks kerana para pelajar menghadapi kesukaran membaca dan memahami teks secara sendiri disebabkan bahasa yang digunakan dalam teks-teks tersebut berbeza dengan bahasa Melayu moden. Sewaktu bacaan bersama itu jugalah, guru turut menjelaskan makna bagi perkataan-perkataan atau frasa-frasa tertentu dalam bahasa Melayu moden hari ini kepada para pelajar supaya pemahaman mereka terhadap jalan cerita tidak terganggu.

2. Tahap Log Cerita

Dengan menggunakan strategi log cerita, pelajar mengenal pasti 5 aspek utama dalam teks tersebut, iaitu watak dan perwatakan, latar, permasalahan, peristiwa penting dan peleraian cerita. Pelajar bekerja secara kolaboratif dalam kumpulan 4-5 orang untuk memastikan setiap anggota kumpulan mempunyai pemahaman cerita yang sama.



3. Tahap Papan Cerita

Pada tahap ini, segala maklumat yang terkumpul hasil daripada perbincangan semasa tahap log cerita akan digunakan oleh pelajar bagi merancang plot cerita melalui penggunaan papan cerita. Pelajar menghasilkan plot dalam bentuk lukisan papan cerita agar mereka dapat menggambarkan adegan plot mereka secara visual. Kegiatan ini akan membantu mereka bagi tahap seterusnya iaitu penulisan skrip.

4. Tahap Penulisan Skrip

Pada tahap penulisan skrip drama yang baik, pelajar terlebih dahulu diberikan penerangan tentang perkara-perkara asas yang perlu wujud dalam sesebuah skrip yang baik.

Pelajar kemudiannya mempelajari konsep Rentas Cipta melalui aktiviti penghasilan sebuah skrip berdasarkan teks ringkas yang diberi. Bagi memastikan pelajar memahami kepentingan kejelasan skrip, pelajar diminta melakukan skrip tersebut sementara rakan-rakan sekelas memberi komen tentang penyampaian skrip melalui lakonan mereka. Tugas utama pelajar seterusnya adalah untuk menghasilkan sebuah skrip berdasarkan teks cerita rakyat yang terpilih. Pembelajaran secara kolaboratif masih digunakan dalam proses penghasilan skrip. Skrip kemudiannya disunting bersama guru mereka dan diperbaiki supaya jalan cerita serupa dengan cerita dalam bentuk teks asal.

5. Tahap Persembahan Drama

Pada tahap ini, pelajar melibatkan diri mereka dalam siri pembelajaran yang menyeronokkan apabila mereka mula diajar perkara-perkara asas seni lakonan dalam bilik darjah. Mereka diajar tentang ekspresi muka, intonasi dan gerak badan berpandukan skrip. Pelajar berlatih bagi watak yang dimainkan dan berlakon di hadapan kelas. Rakan-rakan kelas memberi maklum balas tentang lakonan mereka supaya mutu lakonan mereka dapat diperbaiki. Satu bengkel drama turut dijalankan oleh pelatih luar selama 3 sesi untuk membantu pelajar memperhalus lakonan mereka dan melakukan perubahan-perubahan yang perlu. Produk akhirnya adalah bentuk lakonan drama oleh seluruh kelas,



dengan setiap adegan dilakokkan oleh kumpulan pelajar yang berbeza.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Para pelajar Menengah 2 yang terlibat dalam program ini telah mengisi borang soal selidik selepas program ini dijalankan. Objektif soal-selidik ini adalah untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan program tersebut pada setiap tahap. Rujuk Jadual 1.

Jadual 1: Soal Selidik untuk Tahap Log Cerita

Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Saya berupaya memahami plot dalam teks dengan lebih baik melalui penggunaan Strategi Log Cerita.	28%	72%	0%	0%

Dapatan bagi tahap Log Cerita mendapati bahawa seramai 28% pelajar sangat setuju dan 72% setuju bahawa penggunaan Strategi Log Cerita ini dapat membantu mereka dalam meningkatkan pemahaman teks yang diberikan. Para pelajar berupaya memahami teks dengan lebih mendalam dengan mengenal pasti lima elemen utama dalam teks tersebut iaitu watak/perwatakan, latar, masalah, peristiwa penting dan peleraian masalah.

Jadual 2: Soal Selidik untuk Papan Cerita

Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Saya boleh menghasilkan sebuah papan cerita berdasarkan maklumat daripada Strategi Log Cerita.	35%	63%	2%	0%
Saya boleh menilai hasil tugas rakan saya.	30%	68%	2%	0%



Dapatan bagi tahap Papan Cerita pula mendapati bahawa 35% pelajar sangat setuju dan 63% setuju bahawa mereka boleh menghasilkan sebuah papan cerita berdasarkan maklumat yang mereka perolehi melalui Strategi Log Cerita. Pelajar telah menganalisa teks yang diberikan menggunakan Strategi Log Cerita sebelum mereka merentas cipta teks tersebut kepada sebuah papan cerita. Walau bagaimanapun, hanya 2% dalam kalangan pelajar yang tidak setuju dengan kenyataan yang diberikan. Bagi penelitian terhadap kebolehan pelajar menilai hasil tugas rakan, sebanyak 30% dalam kalangan pelajar sangat setuju bahawa selepas menjalani tahap ini, mereka dapat menilai kerja rakan-rakan mereka sementara 68% setuju bahawa mereka berupaya berbuat demikian. Hanya 2% sahaja yang tidak setuju bahawa mereka dapat melakukan perkara itu. Namun, penilaian yang diberikan kepada rakan sebaya agak kurang mendalam. Rujuk Jadual 2.

Jadual 3: Soal Selidik untuk Penulisan Skrip

Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Saya mempelajari cara-cara menulis skrip.	35%	59%	4%	2%
Saya boleh membuat skrip menggunakan papan cerita	28%	72%	0%	0%

Walaupun sebahagian besar daripada pelajar yang menyatakan bahawa mereka tahu ciri-ciri menulis skrip, 35% sangat setuju dan 59% setuju, ada 4% dalam kalangan pelajar yang tidak setuju. Ini berkemungkinan bahawa penulisan skrip merupakan suatu konsep yang agak baharu untuk mereka lantas mereka mempunyai kesukaran dalam menulis skrip sendiri. Berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan, para pelajar menghadapi kesukaran menulis skrip secara berkumpulan kerana mereka mempunyai gaya penulisan tersendiri. Rujuk Jadual 3.



Jadual 4: Soal Selidik untuk Drama

Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Saya telah mempelajari teknik-teknik berlakon.	28%	72%	0%	0%
Saya boleh bekerjasama dengan rakan sekumpulan saya dalam menghasilkan drama.	39%	61%	0%	0%

Kesemua pelajar menyatakan bahawa mereka telah mempelajari beberapa teknik lakonan menerusi bengkel drama yang dijalankan. Ramai dalam kalangan pelajar bersetuju bahawa kerjasama itu penting dalam menghasilkan sebuah drama. Melalui pemantauan yang dijalankan, para pelajar telah bekerjasama untuk menghasilkan drama yang terbaik. Mereka telah sama-sama menghasilkan props dan kostum, memberikan dorongan kepada satu sama lain dan menggunakan kekuatan masing-masing dalam menghasilkan drama yang terbaik. Rujuk Jadual 4.

Jadual 5: Soal Selidik untuk Program Drama dalam Pembelajaran Bahasa

Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Program ini telah membantu saya meningkatkan penguasaan bahasa Melayu saya.	28%	72%	0%	0%
Bagaimana?	Respon pelajar: <ul style="list-style-type: none"> • Saya lebih yakin menggunakan bahasa Melayu • Saya boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan lebih fasih • Saya telah berlakon menggunakan bahasa Melayu • Saya telah mempelajari pelbagai kosa kata daripada teks yang diberikan • Program ini telah meningkatkan pengetahuan saya dalam teks-teks klasik 			



Saya suka mempelajari bahasa Melayu melalui drama	39%	61%	0%	0%
Apakah sesi yang kamu suka? Mengapa?	Antara respon pelajar: <ul style="list-style-type: none"> • saya boleh berlakon dengan kawan-kawan dan mengeratkan hubungan • ini merupakan kali pertama saya berlakon • sangat menarik • saya boleh berlakon di depan khalayak ramai • saya boleh menunjukkan apa yang telah saya pelajari dalam program ini 			
Saya lebih yakin bertutur dalam bahasa Melayu	28%	72%	0%	0%

Respon-respon yang diberikan pelajar menunjukkan bahawa penggunaan drama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu amat berkesan. Kebanyakan pelajar setuju bahawa program ini telah meningkatkan penguasaan bahasa Melayu mereka. Mereka juga berasa seronok mempelajari Bahasa Melayu menerusi drama.

KESIMPULAN

Drama merupakan strategi menarik yang menggalakkan kerjasama, kawalan sendiri, pembelajaran yang berorientasikan matlamat dan kemahiran kecerdasan emosi. Aktiviti-aktiviti pembelajaran dalam program ini memperkasakan penguasaan dan kelancaran pertuturan dalam Bahasa Melayu. Pelajar lebih yakin dalam menggunakan bahasa Melayu. Mereka juga lebih peka pada kekayaan sastera Melayu. Dengan memberikan mereka autonomi untuk melakonkan skrip mereka sendiri, pelajar dapat memperoleh kejayaan.

Selepas program ini, guru membuat renungan mengenai proses dalam program ini. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan mencapai objektif program ini. Pelajar lebih berminat dalam pembelajaran Bahasa Melayu melalui drama dan mereka berasa seronok mempelajari Bahasa Melayu melalui drama.

Terdapat beberapa kekuatan sepanjang pelaksanaan program ini. Pelajar menggunakan strategi log cerita dalam menganalisis teks. Pelajar juga lebih



berkeyakinan untuk menyuarakan pendapat dan pemikiran mereka. Selain itu, mereka yakin menggunakan Bahasa Melayu. Tambahan pula, terdapat nilai-nilai yang dipelajari melalui program ini. Pelajar bekerjasama dan memberi dorongan sesama mereka untuk menghasilkan sebuah pementasan yang gah.

Guru-guru berikut turut serta dalam kajian yang dijalankan.

- Mislimah Bte Misti
- Shaheeda Bte Muhammad Ariffin

RUJUKAN

Desialova Liubov (2009). Using different forms of Drama in EFL Classroom. *Humanizing Language Teaching Magazine*, issue 4.

<http://www.hltmag.co.uk/aug09/sart07.htm> (dipetik pada Ogos 2009)

Zyoud Munther (2010). *Using Drama Activities and Techniques to Foster Teaching English as a Foreign Language: a Theoretical Perspective*. <http://www.qou.edu/english/conferences/firstNationalConference/pdfFiles/muntherZyoud.pdf>

